

Apakah tanda-tanda keganasan rumah tangga dan keluarga?

Terdapat tanda-tanda yang menunjukkan seseorang mengalami keganasan rumah tangga dan keluarga. Mereka mungkin:

- › kelihatan takut dengan pasangan mereka atau orang yang rapat dengan mereka
- › berhenti berjumpa keluarga atau rakan mereka, atau menamatkan perbualan telefon apabila pasangan mereka berada berhampiran
- › kelihatan terabai atau tidak dapat mengakses wang atau harta benda mereka
- › bercakap tentang sifat cemburu pasangan mereka atau sifat pemarah
- › mengatakan pasangan mereka memaksa mereka melakukan perkara seksual
- › telah menjadi cemas, murung, menyendiri atau hilang keyakinan
- › mengalami kecederaan fizikal seperti lebam, patah tulang, terseliuh atau luka, dan memberi penjelasan yang mustahil
- › enggan meninggalkan anak dengan pasangan mereka.

Di mana boleh mendapatkan bantuan

Kecemasan (Polis atau Ambulan)

Tiga Kali Kosong (000)

Sekiranya seseorang berada dalam bahaya.

Talian bantuan 24 jam untuk wanita (Sambungan DV) (DVConnect)

1800 811 811

Nasihat dan sokongan percuma dan sulit bagi wanita yang mengalami keganasan di rumah.

Perkhidmatan Sokongan Wanita Imigran

07 3846 3490

Kaunseling dan nasihat untuk wanita berlatarbelakangkan bukan penutur bahasa Inggeris mengenai keganasan rumah tangga dan keluarga dan keganasan seksual.

Talian bantuan untuk lelaki (Sambungan DV) (DVConnect)

1800 600 636

Bantuan secara sulit untuk lelaki yang mengalami masalah perhubungan dan keluarga.

Sambungan Keluarga dan Anak

13 32 64

Nasihat percuma dan sulit untuk keluarga yang mempunyai anak-anak yang memerlukan sokongan.



Interpreter

Untuk akses kepada penterjemah dalam bahasa anda hubungi **13 74 68**.

Semua
orang berhak
berasa selamat
di rumah

Maklumat untuk membantu mengetahui tanda-tanda keganasan rumah tangga dan keluarga dan cara memberi sokongan.

www.qld.gov.au/domesticviolence

Apakah keganasan rumah tangga dan keluarga?

Keganasan Rumah Tangga dan Keluarga berlaku apabila seseorang dalam perhubungan menggunakan kuasa mereka untuk mengawal, menyalahguna atau menakutkan pasangan mereka. Ia merangkumi pelbagai bentuk dan biasanya berlaku di dalam hubungan di dalam keluarga (termasuk keluarga besar dan mertua) atau di rumah.

Keganasan rumah tangga dan keluarga tidak boleh diterima dan boleh menjadi jenayah di Australia. Budaya tidak pernah menjadi alasan kepada keganasan rumah tangga dan keluarga.

Kanak-kanak boleh disakiti kerana keganasan rumah tangga dan keluarga.

Apa yang anda boleh lakukan untuk menyokong seseorang

Sekiranya seseorang yang anda kenali menunjukkan tanda-tanda mengalami keganasan rumah tangga dan keluarga, ambil tindakan - mungkin hanya anda sahaja yang mampu melakukannya. Bantuan dari anda mampu memberikan perubahan.

Apa yang harus anda lakukan:

- › Dengar apa yang mereka katakan dan percaya apa yang mereka sampaikan - jangan salahkan mereka.
- › Tanya kepada mereka tentang penderaan berkenaan pada masa dan tempat yang selamat dan persendirian.
- › Bantu mereka untuk memahami bagaimana penderaan itu mungkin mempengaruhi mereka dan anak-anak mereka.
- › Bercakap tentang bagaimana langkah untuk meningkatkan keselamatan mereka.
- › Tawarkan bantuan praktikal seperti menjaga anak-anak mereka atau menyediakan makanan.
- › Hormati hak mereka untuk membuat keputusan, walaupun anda tidak bersetuju dengannya.
- › Hubungi perkhidmatan keganasan rumah tangga tempatan anda untuk mendapatkan nasihat mengenai cara terbaik untuk menolong tanpa membahayakan diri sendiri dan mangsa.
- › **Tanya pada diri sendiri:** 'Adakah perkara yang sedang saya lakukan menjadikan orang yang didera lebih selamat?'

Apa yang tidak boleh anda lakukan:

- › Campur tangan dalam situasi ganas secara fizikal - anda harus menghubungi polis di Tiga Kali Kosong (000).
- › Mendedahkan lokasi mangsa atau rancangan untuk melarikan diri, terutama kepada orang yang didera, rakan atau keluarga mereka.
- › Mencabar pendera secara langsung sekiranya terdapat tanda-tanda bahaya.

Apa yang anda boleh lakukan dalam komuniti anda

- › Ketahui lebih lanjut mengenai pelbagai bentuk keganasan rumah tangga dan keluarga dan mengenali tanda-tanda bahaya.
- › Bercakap mengenai keganasan rumah tangga dan keluarga dan kemukakan secara terbuka.
- › Menggalakkan sikap yang menunjukkan rasa hormat antara lelaki dan wanita.
- › Menggalakkan kesetaraan jantina dalam komuniti, agama atau kelab sukan anda.
- › Tunjukkan tingkah laku yang baik dan cabar rakan, keluarga dan anggota komuniti jika mereka menolak keganasan atau menyalahkan mangsa.

Penting untuk mendapatkan nasihat pakar sekiranya anda merasakan seseorang yang anda kenali dianiaya.

Keganasan rumah tangga dan keluarga boleh membawa kesan yang serius termasuk kematian dan kecederaan yang serius.